



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SASAR LAHIRKAN 1,280 MEDIATOR KOMUNITI BERTAULIAH MENJELANG 2030

KOTA KINABALU, 3 Ogos 2026 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyasarkan untuk melahirkan 1,280 mediator bertauliah menjelang tahun 2030 bagi memperkukuh usaha pengurusan konflik komuniti dan membudayakan penyelesaian pertikaian secara aman di seluruh negara.

Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sasaran tersebut merupakan antara komitmen utama Kementerian dalam memperkasakan perkhidmatan mediasi komuniti selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang memberi penekanan kepada pengukuhan perpaduan sosial melalui pengurusan konflik secara berkesan, inklusif dan mampan.

"Perkhidmatan mediasi merupakan satu mekanisme penting dalam membantu masyarakat menyelesaikan pertikaian secara rundingan dan persefahaman tanpa perlu melalui proses litigasi di mahkamah. Pendekatan ini bukan sahaja lebih cepat dan menjimatkan kos, malah dapat mengekalkan hubungan baik antara pihak yang terlibat serta mengukuhkan keharmonian komuniti," katanya.

Bagi menyokong sasaran melahirkan 1,280 mediator bertauliah, Kementerian akan mewujudkan 12 Pusat Mediasi Komuniti baharu menjelang tahun 2027 bagi memperluaskan capaian perkhidmatan kepada rakyat serta memperkukuhkan kerjasama strategik bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sebanyak 12 lokasi telah dikenal pasti bagi penubuhan pusat baharu tersebut iaitu:

- * Sabah (PRT Taman Khidmat, Kota Kinabalu)
- * Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PA Seri Kota)
- * Johor (Pontian)
- * Terengganu (PRT Pekan Bukit Payong)
- * Selangor (Shah Alam)
- * Kedah (PAP Kulim)
- * Pahang (PAP Permatang Badak)
- * Kelantan (Machang)
- * Wilayah Persekutuan Labuan
- * Sarawak (PAP Miri)
- * Perak (Kamunting)
- * Melaka (Jasin)

Perkhidmatan mediasi yang disediakan adalah secara pro bono dan terbuka kepada masyarakat tanpa sebarang bayaran. Pendekatan ini memberi ruang kepada pihak-pihak yang bertikai untuk mencapai penyelesaian secara sukarela, profesional dan berhemah tanpa melibatkan prosiding mahkamah.

Kementerian yakin bahawa peluasan rangkaian Pusat Mediasi Komuniti serta pertambahan mediator bertauliah akan memperkukuhkan keupayaan negara dalam mengurus konflik komuniti secara lebih berkesan, sekali gus menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni, bersatu padu dan sejahtera selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

3 Ogos 2026

KPN.100-9/1/16 (66)